

04 OCT 2002

S'pura-Buku/I

WARTAWAN TULIS BUKU SINDIR S'PURA DAN M'SIA

SINGAPURA, 4 Okt (Bernama) -- Dalam satu tindakan yang dianggap berani, seorang wartawan Singapura dan pelukis Malaysia, berganding bahu menghasilkan sebuah buku yang tidak sahaja menyentuh kisah politik malah kelemahan dan sikap aneh yang wujud di kedua-dua negara.

Buku "The Difference Between Malaysians and Singaporeans", itu ditulis oleh rakyat Singapura, Ravi Veloo, dan dihiasai lukisan kartun oleh pelukis Malaysia, Cheng Puay Koon.

Terdapat 100 lukisan kartun yang mengusik perbezaan politik, sosial dan budaya antara kedua-dua negara berjiran itu.

Veloo, 43, juga seorang penulis drama dan pengarang yang melatih wartawan, manakala Cheng, 29, merupakan seorang pelukis yang mereka bentuk akhbar harian Singapura "Today", dan kini menjawat Pengarah Kanan Seni.

"Tujuannya sekadar untuk berhibur kerana satu perkara yang kita kongsi dan tidak dapat dinafikan lagi ialah keupayaan untuk mentertawakan diri kita sendiri.

"Ketawa adalah ubat paling baik, koyok, penawar atau apa saja yang boleh dipanggil, kerana yang merunsingkan kedua-dua negara pada masa ini seperti tajuk-tajuk utama akhbar harian ialah kita tidak sefahaman," kata pengarang buku itu dalam kata-kata aluannya.

Lukisan Cheng termasuk karikatur purba Menteri Kanan Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedang menangis.

Mengenai di mana rakyat Singapura akan mendapatkan bekalan air, pengarang memasukkan lakaran mangkuk tandas dan menulis:

"Rundingan sedang dijalankan mengenai harga air mentah yang dijual Malaysia kepada Singapura. Sementara itu, Singapura dengan beraninya mengitar semula air buangan dan menamakannya sebagai NeWater, yang pihak media tempatan gagal menyebutnya sekerap mungkin, datang terus dari mangkuk tandas. Inilah yang berlaku jika jiran tidak sehaluan."

Buku itu berharga S\$12.90 itu, mula dijual hari ini. Ia diterbitkan oleh Veloo's Newsbooks, sayap pencetakan The Media Campus, sebuah syarikat yang melatih wartawan.

-- BERNAMA

SS LAT MAI